



RAMADHAN MUBARAK

# RAMADHAN & KELEBIHANNYA



MOHD SHAMSUL HAKIM BIN ABD SAMAD



rizviArts.com

# RAMADHAN

- Ramadhan berasal daripada kalimah Bahasa Arab Ro Mim Dhad yang bermaksud ketajaman atau kepedihan pada sesuatu kerana kesan kepanasan dan lainnya.

Ramadh bermakna “kepanasan batu kerana kepanasan cahaya matahari”.

(Ibnu Faris– *“Maqayis al-Lughah”*)

# RAMADHAN

- Ramadhan juga dari perkataan *ramadh* iatu teruknya kesan panas matahari

(Al Raghīb- “*Mu’jam Mufradat*”)

- Al Qhadhi Abu Yaala al Farraa’ menyebut tentang rahsia penamaan ramadhan :  
*“dikatakan bahwa sebab dinamakan ramadhan kerana ianya membakar dosa-dosa dan menyahkannya”.*

# KELEBIHAN RAMADHAN

## 1) Ramadhan *Syahru al-Quran*

Firman Allah s.w.t.

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ  
مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ { البقرة : 85

*Bermaksud: Bulan Ramadhan yang diturunkan padanya al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia, dan penjelasan mengenai petunjuk, dan pemisah (antara yang hak dengan yang batil)*

- ▶ Nas di atas menunjukkan bahawa al-Quran yang menjadi petunjuk kepada manusia dan yang memisahkan di antara haq dengan batil itu diturunkan dalam bulan Ramadhan.

# KELEBIHAN RAMADHAN

2) Dalamnya terdapat malam yang paling mulia.  
Firman Allah s.w.t.

*Bermaksud: Bahawasanya Kami menurunkannya (Al-Quran) pada malam yang berkat, bahawasanya Kamilah yang memberi peringatan. Pada malam yang berkat itu dijelaskan dan ditetapkan setiap perkara yang mempunyai hikmah.*

- ▶ Nas di atas menunjukkan bahawa al-Quran itu diturunkan pada malam yang berkat dan pada malam yang berkat itu dijelaskan dan ditetapkan setiap perkara.

# KELEBIHAN RAMADHAN

- Malam yang berkat ialah *laylah al-qadr* kerana firman Allah:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ [القدر : 1]

Bermaksud: *Sesungguhnya Kami menurunkannya (al-Quran) pada laylah al-qadr.*

# KELEBIHAN RAMADHAN

- Malam yang berkat ialah *laylah al-qadr* kerana firman Allah:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ [القدر : 1]

Bermaksud: *Sesungguhnya Kami menurunkannya (al-Quran) pada laylah al-qadr.*

# KELEBIHAN RAMADHAN

3) Allah membuka pintu-pintu syurga dan menutup pintu-pintu neraka serta membelenggu syaitan dan memenjarakan mereka di bulan Ramadhan.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَاكُمْ رَمَضَانُ شَهْرٌ مُبَارَكٌ فَرَضَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عَلَيْكُمْ صِيَامَهُ تَفْتَحُ فِيهِ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَتُغْلَقُ فِيهِ أَبْوَابُ الْجَحِيمِ وَتُغْلَقُ فِيهِ مَرَدَةُ الشَّيَاطِينِ لِلَّهِ فِيهِ لَيْلَةٌ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ مِنْ حَرَمٍ خَيْرٌ هَا فَفَدَّ حَرَمَ  
سنن النسائي بشرح السيوطي وحاشية السندي ، 4: 434

Bermaksud: Daripada Abu Hurairah katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda:

*Ramadhan telah datang kepada kamu, Ia merupakan bulan yang berkat, Allah A.W.J. memfardukan ke atas kamu puasa di bulan itu, dibuka padanya pintu-pintu langit, ditutup padanya pintu-pintu neraka, dibelenggu pada syaitan-syaitan yang amat jahat. Pada bulan Ramadhan itu terdapat satu malam yang lebih baik dari seribu bulan. Sesiapa yang diharamkan kebaikannya maka sesungguhnya dia diharamkan.*

# KELEBIHAN RAMADHAN

4) Terdapat padanya janji pembebasan dari api neraka bermula dari awalnya lagi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ أَوَّلُ لَيْلَةٍ مِنْ شَهْرِ رَمَضَانَ صُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ وَمَرَدَةُ الْجِنِّ وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ فَلَمْ يُفْتَحْ مِنْهَا بَابٌ وَفُتِّحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ فَلَمْ يُغْلَقْ مِنْهَا بَابٌ وَيُنَادِي مُنَادٍ يَا بَاغِيَ الْخَيْرِ أَقْبِلْ وَيَا بَاغِيَ الشَّرِّ أَقْصِرْ وَلِلَّهِ عِتْقَاءُ مِنَ النَّارِ وَذَلِكَ كُلُّ لَيْلَةٍ قَالَ وَفِي الْبَابِ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ وَابْنِ مَسْعُودٍ وَسَلْمَانَ

(سنن الترمذی، صحیح ابن حبان، 8: 222، صحیح ابن حزيمة 3: 188، المستدرک علی الصحیحین للحاکیم مع التعلیقات الذهبی فی التلخیص 1: 582)

Bermaksud: ... *Dan menyeru oleh (malaikat ) yang menyeru: Wahai orang yang suka kebaikan, Lakukanlah!, wahai orang yang sukakan kejahatan, kurangkanlah! Bagi Allah, ramai orang yang dimerdekakan dari neraka. Yang demikian itu adalah setiap malam.*

# KELEBIHAN RAMADHAN

5) Difardhukan kefardhuan puasa dalamnya:

Firman Allah:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ  
(البقرة : 185)

Bermaksud:

*Bulan Ramadhan yang diturunkan padanya al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia, dan penjelasan mengenai petunjuk, dan pemisah (antara yang hak dengan yang batil), maka sesiapa dari kalangan kamu yang menyaksikan bulan Ramadhan itu hendaklah dia berpuasa.*

# KELEBIHAN RAMADHAN

5) Difardhukan kefardhuan puasa dalamnya:

Firman Allah:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ  
(البقرة : 185)

Bermaksud:

*Bulan Ramadhan yang diturunkan padanya al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia, dan penjelasan mengenai petunjuk, dan pemisah (antara yang hak dengan yang batil), maka sesiapa dari kalangan kamu yang menyaksikan bulan Ramadhan itu hendaklah dia berpuasa.*

# KELEBIHAN RAMADHAN

▶ Diketahui kelebihan Ramadhan menerusi nama-namanya:

▶ Nama-nama bagi bulan Ramdhan.

1. Bulan sabar.

Ini berdasarkan hadith

صوم شهر الصبر وثلاثة أيام من كل شهر تعدل صوم الدهر

Sabda Rasulullah saw : *“Berpuasa pada bulan sabar dan tiga hari dari setiap bulan adalah menyamai puasa setahun”* .

2. Bulan al Muwasah ( kasihan belas ).

Ini berdasarkan hadith ;

وهو شهر المواساة

*la adalah bulan berbelas kasihan*

# KELEBIHAN RAMADHAN

3. Penghulu segala bulan.

Ini berdasarkan hadith ;

سيد الشهور شهر رمضان

*Penghulu segala bulan adalah bulan Ramadhan*

4. Bulan puasa.

Kata Abu Zaid al-Lughawi;

أقمت بالبصرة صومين أي رمضانين

*Aku tinggal di Basrah selama dua kali bulan puasa (Ramadhan ).*

# KELEBIHAN RAMADHAN

5. Bulan *Siyahah* (melancong) .

Berdasarkan tafsir para sahabat antaranya Abu Hurairah, Ibn Mas'ud dan Ibn Abbas r.a bagi ayat 112 : surah al-Taubah:

التَّائِبُونَ الْعَابِدُونَ الْحَامِدُونَ السَّائِحُونَ الرَّاكِعُونَ السَّاجِدُونَ الْآمِرُونَ بِالْمَعْرُوفِ  
وَالنَّاهُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَالْحَافِظُونَ لِحُدُودِ اللَّهِ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ

*(Mereka itu ialah): orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji Allah, yang mengembara, yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat kebaikan dan yang melarang daripada kejahatan, serta yang menjaga batas-batas hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang yang beriman (yang bersifat demikian).*

Mereka menyatakan; السَّائِحُونَ أي الصائمون (*Assa'ihun adalah orang yang berpuasa*).

# RAMADHAN



RAMADHAN MUBARAK

*Kita rehat sebentar....*





RAMADHAN MUBARAK


# RAMADHAN & PENGISIANNYA



MOHD SHAMSUL HAKIM BIN ABD SAMAD



# RAMADHAN

- 1) **Berniat dalam hati untuk berpuasa di malam hari.**
    - Kepentingan niat dalam kehidupan seorang muslim.
    - Tanggungjawab atas apa yang diniatkan.
    - Kedudukan pahala berpuasa adalah atas apa yang diniatkan.
- 

# RAMADHAN

- 2) Bersahur di akhir malam (yang terbaik adalah jaraknya dengan azan subuh selama bacaan 50 ayat al-Quran secara sederhana).

Nabi SAW bersabda :

*“Sesungguhnya perbezaan di antara puasa kami (umat Islam) dan puasa ahli kitab adalah makan sahur”*

(Muslim, 2/770).

# RAMADHAN


Selain itu, Nabi juga bersabda :

*"Bersahurlah kamu, kerana pada sahur itu ada barakahnya"* .

( Al-Bukhari, 4/1923 ; Muslim).

- Digalakkan kita untuk mendirikan solat sunat tahajjud, witr dan beristifghar dan lain-lain amalan sebelum menunaikan solat subuh berjemaah di masjid @ surau (bagi lelaki).

# RAMADHAN

- Adalah amat tidak digalakkan bagi seseorang yang bersahur dengan hanya makan di sekitar jam 12 malam sebelum tidur.
  - Ia pada hakikatnya adalah tidak menepati sunnah yang diajarkan oleh Baginda SAW.
- 

# RAMADHAN

3) Memperbanyakkan bacaan Al-Quran dengan tenang dan tidak tergesa-gesa.

- Terdapat ramai ulama silam menyebut tentang kepentingan mendahulukan membaca al-quran di atas amalan sunat seperti menelaah kitab, membaca hadith dan lain-lain.
- Ia adalah salah satu amalan yang paling diambil berat oleh Nabi SAW ketika baginda membacanya bersama Malaikat Jibrail as.

# RAMADHAN

## 4) Memperbanyakkan doa semasa berpuasa.

- Sepanjang waktu ketika sedang menjalani ibadah puasa, ia merupakan waktu yang sesuai dan maqbul untuk kita berdoa, sebagaimana di nyatakan oleh Nabi S.a.w :-

ثلاثة حق على الله أن لا يرد لهم دعوة : الصائم حتى يفطر والمظلوم حتى ينتصر والمسافر حتى يرجع

*Ertinya : Tiga yang menjadi hak Allah untuk tidak menolak doa mereka, orang berpuasa sehingga berbuka, orang yang dizalimi sehingga dibantu, dan orang bermusafir sehinggalah ia pulang"*

(Riwayat Al-Bazaar)

# RAMADHAN

- Begitu juga hadith lain Nabi s.a.w bersabda:–  
ثلاثة لا ترد دعوتهم : الصائم حتى يفطر والإمام العادل ودعوة المظلوم  
*Ertinya : Tiga yang tidak ditolak doa mereka, orang berpuasa sehingga berbuka, pemerintah yang adil dan doa orang yang dizalimi"*  
( Riwayat At-Tirmizi, Ibn Majah, Ibn Hibban dan Ibn Khuzaimah ; Hadis Hasan menurut Imam At-Tirmidzi dan Ibn Hajar, sohih menurut Syeikh Ahmad Syakir)

# RAMADHAN

- Memperbanyakkan doa ketika hampir berbuka
- Ini kerana tahap maqbul tatkala itu semakin hebat berdasarkan hadith Nabi s.a.w :

إن للصائم عند فطره دعوة ما ترد

*Ertinya : Sesungguhnya bagi orang yang berpuasa itu tatkala waktu berbukanya, adalah waktu doa yang tidak ditolak*

( Riwayat Ibn Majah ; Sohih)

# RAMADHAN

6) Menyegerakan berbuka puasa selepas dipastikan masuk waktu maghrib.

Berdasarkan hadith Nabi SAW :

لا يزال الناس بخير ما عجلوا الفطر

*Ertinya : "Sentiasalah umatku berada dalam kebaikan sepanjang kamu menyegerakan berbuka"*

( Riwayat Al-Bukhari, 4/1957).

# RAMADHAN

- ▶ Berbuka juga perlu didahulukan sebelum menunaikan solat maghrib, malah jika pada hari tersebut tahap kelaparan kita agak luar biasa, lebih baik kita berbuka dan makan sekadar kelaparan tidak mengganggu solat Maghrib kita.
- ▶ Disebutkan bahawa tidaklah Nabi s.a.w menunaikan solat Maghrib kecuali setelah berbuka walaupun hanya dengan segelas air. (Abu Ya'la dan al-Bazzar : Hadith Hasan).

# RAMADHAN

- Adalah digalakkan untuk berbuka dengan beberapa biji rutab ( kurma basah) atau tamar (kurma kering) sebagai mengikuti sunnah, dan jika tiada keduanya mulakan dengan meneguk air.

كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يفطر على رطبات قبل أن يصلي فإن  
لم تكن رطبات فعلى تمرات فإن لم تكن حسا حسوات من ماء

*Ertinya : Rasulullah s.a.w berbuka dengan kurma basah (rutab) sebelum solat dan sekiranya tiada rotab, maka tamar dan jika tiada, baginda meminum beberapa teguk air"*

(Riwayat Abu Daud, Ahmad & At-Tirmidzi)

# RAMADHAN

- ▶ Membaca doa berbuka yang sohih dari nabi iaitu

ذَهَبَ الظَّمْأُ وَاَبْتَلَّتْ الْعُرُوقُ وَثَبَتَ الْأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ

*"Zahaba az-Zama u wabtallatil 'uruq wathabatal ajru InsyaAllah"*

*Ertinya : "Telah hilanglah dahaga, telah basah urat leher dan telah tetap mendapat pahalanya InsyaAllah"*

(Riwayat Abu Daud, 2/2357 : Hadith Hasan menurut Albani). Atau doa-doa makan yang biasa).

# RAMADHAN

8) Disunatkan untuk menyediakan juadah berbuka untuk orang ramai terutamanya orang miskin.

Nabi SAW bersabda :

من فطر صائما كان له مثل أجره غير أنه لا ينقص من أجر الصائم شيئا

*Ertinya : Barangsiapa yang memberikan juadah berbuka buat orang yang berpuasa maka baginya pahala seperti orang yang berpuasa itu tanpa kurang sedikit pun"*

(Riwayat At-Tirmidzi, 3/807; Hadith Hasan menurut Imam At-Tirmidzi).

# RAMADHAN

- Disebut dalam sebuah hadis lain

ومن أشبع صائماً سقاه الله من حوضي شربة لا يظماً حتى يدخل الجنة

*Ertinya : Barangsiapa yang mengenyangkan seorang yang berpuasa ( berbuka), Allah akan memberinya minum dari telagaku ini dengan satu minuman yang tidak akan haus sehinggalah ia memasuki syurga "*

(Riwayat Al-Baihaqi ; Ibn Khuzaymah dalam Sohihnya : rujuk juga Tuhaftul Ahwazi, )

# RAMADHAN

9) Menunaikan solat sunat terawih pada malam hari secara berjemaah buat lelaki dan wanita atau boleh juga dilakukan secara bersendirian.

- Ia berdasarkan hadith riwayat An-Nasaie yang sohih.
- Boleh juga untuk menunaikannya separuh di masjid dan separuh lagi di rumah, terutamanya bagi sesiapa yang ingin melengkapkan kepada 20 rakaat.

# RAMADHAN

10) Bersiwak (iaitu menggunakan kayu sugi tanpa air dan ubat gigi).

- Ia juga sohih dari Nabi s.a.w dari riwayat al-Bukhari.

# RAMADHAN

11) Meninggalkan perkataan dan perbuatan yang buruk.

➤ Sabda Nabi s.a.w:

من لم يدع قول الزور والعمل به فليس لله حاجة في أن يدع طعامه وشرابه

“Barangsiapa yang tidak meninggalkan perkataan dusta dan beramal dengannya serta berbuat maksiat, maka Allah tidak berhajat untuk dia meninggalkan makan dan minumannya. *(Riwayat Al-Bukhari)*

# RAMADHAN

## 12) Memastikan amalan-amalan fardhu terjaga dan menambah amalan sunat.

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ  
مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿النحل: ٩٧﴾

*Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.*

# RAMADHAN

**Ancaman bagi berbuka di siang ramadhan tanpa uzur :**

- Nabi SAW bersabda dalam hadith sahih tentang ancaman berat iaitu mereka yang tidak berpuasa dengan sengaja akan digantung di dagunya dengan terbalik hingga mengalir darah.

(Al-Muntaqa min At-Tarhib wa targhib).

# RAMADHAN

- Selain itu, Nabi juga menyebutkan bahawa *"Barangsiapa yang berbuka tanpa uzur pada Ramadhan, maka ia tidak mampu menggantikan kerugian dari puasa yang ditinggalkan itu, walaupun ia berpuasa selama-lamanya"*  
( Riwayat Abu Daud, Ibn Majah)

# RAMADHAN



RAMADHAN MUBARAK

*Sekian  
Ramadhan Kareem..*



*019-436 8481 / Fb: Shams Hakeem*